



## ISES Ke-6 2024: Memperkasakan Inovasi Tenaga Lestari Di Peringkat Antarabangsa

**Nik Nazmi Umum Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) Keenam  
2024 Di Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa  
Bersatu (COP28)**

**DUBAI, Emiriah Arab Bersatu, 5 Disember 2023** – Malaysia, menerusi Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad, telah mengumumkan pengajuran Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) Keenam 2024 (ISES Ke-6 2024) di Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP28) di Dubai. Pengumuman ini menunjukkan komitmen Malaysia dalam memperkasakan sektor tenaga lestari di peringkat antarabangsa.

ISES Ke-6 2024, yang dijadualkan pada 20 hingga 21 Ogos 2024, merupakan hasil kerjasama antara Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) Malaysia. Persidangan ini bertujuan untuk berfungsi sebagai pemacu dialog transformasi dan memperkuatkannya lagi komitmen Malaysia yang tidak berbelah bagi ke arah masa depan yang lebih hijau.

### ISES Ke-6 2024: Memperkasakan Inovasi Tenaga Lestari di Peringkat Antarabangsa

Pengajuran ISES Ke-6 2024 merupakan langkah penting Malaysia dalam memperkasakan sektor tenaga lestari, kerana ia dijangka menjadi platform persidangan yang lebih meluas dan berpengaruh. Persidangan ISES Ke-6 2024 akan menampilkan penyelesaian mampan melalui sesi forum, pameran maklumat dan teknologi yang komprehensif, program perdagangan, serta sesi padanan perniagaan. Elemen-elemen ini akan menjadi fokus utama, kerana ia akan memberikan pengalaman yang luar biasa kepada para peserta, sekaligus mengukuhkan kedudukan persidangan ini sebagai acara penting dalam landskap kelestarian tenaga global.

Bertemakan “**Memperkasakan Peralihan Tenaga Melalui Inovasi**”, ISES Ke-6 2024 mencerminkan dedikasi Malaysia untuk membantu peralihan tenaga global menerusi strategi yang berinovatif.

Semasa majlis pelancaran 'soft launch' ISES Ke-6 2024, **YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri NRECC**, menyatakan peranan Malaysia dalam menerajui usaha kearah tenaga lestari. Beliau turut memberitahu bahawa persidangan dwitahunan ini adalah tepat pada waktunya khususnya dalam konteks dimana peringkat global sedang memberi penekanan kepada penyelesaian tenaga lestari dan lebih bersih.

Selain itu, beliau turut menerangkan bahawa ISES Ke-6 2024 merupakan platform perkongsian pengetahuan yang penting, menggalakkan inovasi dan melihat potensi kepada kemungkinan baharu berkaitan penyelesaian tenaga lestari yang lebih berkesan, berteraskan masa depan yang lebih mampan.

"Inovasi merupakan aspek utama dalam perkembangan kemajuan dan ia akan menjadi titik tumpuan kepada era penyelesaian tenaga lestari yang lebih bersih dan cekap. Saya berharap penganjuran persidangan kali ini akan menerima lebih banyak penglibatan daripada pakar dan industri global. Penganjuran ISES Ke-6 2024 adalah bukti kepada komitmen Malaysia dalam mencapai peralihan tenaga yang menyeluruh dan lebih sistematik," tambah YB Nik Nazmi.

Senada dengan beliau, **YBhg. Dato' Hamzah Hussin, Pengurus Penganjur ISES Ke-6 2024 dan juga Ketua Pegawai Eksekutif SEDA Malaysia** yang turut hadir ke majlis 'soft launch' tersebut turut menyatakan jangkaan beliau terhadap penyertaan yang lebih luas daripada pakatan serantau adalah sama seperti mana kejayaan penganjuran persidangan ini pada tahun-tahun sebelumnya.

"SEDA Malaysia memahami peranan dan tanggungjawab penting yang digalas oleh kami dalam membentuk masa depan tenaga di negara ini. Melalui persidangan ISES Ke-6 2024 ini, kami berhasrat untuk memupuk pendekatan dan teknologi yang berinovatif, memacu kearah pencapaian matlamat gabungan kapasiti tenaga boleh diperbaharui sebanyak 70 peratus menjelang 2050", jelas YBhg. Dato' Hamzah.

#### **Pendaftaran Persidangan ISES Ke-6 2024: Saranan Untuk Tindakan Global Ke Arah Penyelesaian dan Kerjasama Tenaga Lestari**

ISES Ke-6 2024 adalah acara penting dalam landskap kelestarian tenaga global yang memaparkan komitmen Malaysia menerajui inovasi tenaga lestari. Inisiatif ini adalah bukti kepada dedikasi negara terhadap revolusi kemampanan tenaga lestari yang memberi takrifan baharu terhadap masa depan tenaga. Jangan lepaskan peluang untuk menjadi sebahagian daripada peserta acara transformatif ini dan menyumbang kepada peralihan global terhadap penyelesaian tenaga lestari.

Untuk maklumat lanjut mengenai ISES Ke-6 2024, sila layari laman sesawang rasmi: [www.ises.gov.my](http://www.ises.gov.my). Butiran lanjut mengenai SEDA Malaysia selaku penganjur persidangan ISES Ke-6 2024, sila layari laman sesawang: [www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my). Sebarang pertanyaan mengenai persidangan ISES Ke-6 2024 boleh diajukan ke alamat emel rasmi: [ises@seda.gov.my](mailto:ises@seda.gov.my).

**TAMAT**

---

**Mengenai SEDA Malaysia:**

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia merupakan badan berkanun di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). SEDA Malaysia ditubuhkan pada September 2011 di bawah Akta SEDA 2011 [Akta 726] dengan tujuan utama bagi memacu agenda tenaga boleh baharu dan kecekapan tenaga di negara ini.

---

**Dikeluarkan dan diedarkan oleh MNAIR PR Consultancy Sdn Bhd bagi:**

**PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI (SEDA) MALAYSIA**

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

**MNAIR PR Consultancy**

**Khadijah Muhammad Yusof**  
Penasihat Perhubungan Awam

+6010 425 2068  
[khadijah@mnairpr.com](mailto:khadijah@mnairpr.com)

**Noor Fadilah Ibrahim**  
Eksekutif Kanan Perhubungan Awam

+6017 291 0711  
[noorfadilah@mnairpr.com](mailto:noorfadilah@mnairpr.com)

---